# السِّيْرَةُ النَّبَوِيَّةُ

SEJARAH HIDUP
RASULULLAH S.A.W

**(Ting. 2)**

## للسنة الثانية

Kandungan


| | |
|---|---|
| ١. الهجرة وأسبابها | 1 |
| ٢. الهجرة النبوية | 3 |
| ٣. تأسيس المسجد بالمدينة | 7 |
| ٤. المؤاخاة بين المهاجرين والأنصار | 7 |
| ٥. المعاهدات بين الرسول ﷺ واليهود | 8 |
| ٦. مشروعية القتال | 8 |
| ٧. غزوات النبي ﷺ | 9 |
| ٨. غزوة البدر | 9 |
| ٩. جلاء بني قينقاع | 11 |
| ١٠. غزوة بني قريظة | 12 |
| ١١. صلح الحديبية | 16 |
| ١٢. غزوة أحد | 21 |
| ١٣. جلاء بني نضير (٤هـ) | 24 |

## (1) Hijrah dan sebabnya

**Penghijrahan orang Islam ke Madinah**

Setelah kaum Aus dan Khazraj kembali ke Madinah daripada Mekah selepas Bai'ah kedua (janji setia) maka terbitlah cahaya kebenaran di Madinah dan tersebar asas-asas Islam serta menjadi tempat yang sesuai dan baik di mana orang Islam merasa selamat diri mereka daripada kejahatan golongan zalim dan menindas. Di Mekah, orang Islam menghadapi pelbagai penaniayaan dan penindasan/gangguan terhadap mereka sehingga kehidupan mereka menjadi begitu menyeksakan yang tidak dapat ditanggung. Oleh sebab itu, Rasulullah saw memerintahkan para sahabatnya untuk berpindah ke Madinah. Mereka menyelinap keluar dari Mekah dalam kegelapan malam dan secara rahsia dan sembunyi, mereka berhati-hati dan takut daripada kejahatan orang Quraisy, mereka berharap tidak ada halangan semasa perpindahan ini apa-apa kejahatan dan ersekitaran yang rosak kepada suasana Madinah suci lagi indah.

Orang pertama berpindah ialah Abu Salamah al Makhzumi suami Ummu Salamah r.a, kemudian selepas Abu Salamah diikuti pula orang Islam yang berhijrah membawa agama mereka untuk dapat beribadah kepada Allah swt yang mana cintanya telah bercampur dalam diri mereka. Tidak ditinggalkan di Mekah kecuali Abu Bakar, Ali dan beberapa orang yang lemah yang mana keadaan mereka tidak membolehkan mereka berhijrah.

Abu Bakr dan Ali kekal berada di Mekah adalah kerana arahan Rasulullah saw, sehingga Abu Bakar mahu berhijrah lalu Rasulullah saw berkata kepadanya: Demi kerasulan ini, aku berharap Allah izinkan aku berhijrah. Abu Bakar berkata: Adakah kamu berharap demikian, Wahai Rasulullah, demi ayah ku[2] ? Baginda berkata: Ya, lalu Abu Bakr menahan dirinya (dari berhijrah) kerana menunggu Rasulullah saw agar mendapat kemuliaan menemani baginda. Beliau menyediakan dua kenderaan (unta) sebagai persiapan untuk hari yang dijanjikan.

[2] *aku akan berkorban. Rasulullah adalah bapa bagi umat Islam dan isteri-isteri baginda adalah ibu-ibu umat Islam.*



## (١) الهجرة وأسبابها

**هجرة المسلمين إلى المدينة**

لما رجع الأوس والخزرج من مكة إلى المدينة بعد البيعة الثانية أشرقت المدينة بنور الحق وانتشرت فيها مبادئ الإسلام وأصبحت مكانا مناسبا طيبا يأمن فيه المسلمون على أنفسهم من أذى المعتدين وطغيان الظالمين. أما مكة فقد اشتد فيها الأذى بالمسلمين والتضييق عليهم حتى أصبح عيشهم فيها جحيما لا يطاق. ومن أجل ذلك أمر الرسول ﷺ أصحابه بالهجرة إلى المدينة. فصاروا يتسللون ويخرجون من مكة في ظلام الكتمان والخفاء يحذرون قريشا ويخشون خطرها ويرجون ألا تحول بينهم وبين الانتقال من هذا الوسط الخبيث وتلك البيئة الفاسدة إلى جو المدينة الطاهر الجميل.

وأول من خرج أبو سلمة المخزومي زوج أم سلمة رضي الله عنهما، ثم تتابع المهاجرون بعد أبي سلمة فرارا بدينهم ليتمكنوا من عبادة الله الذي امتزج حبه بنفوسهم، ولم يبق بمكة منهم إلا أبو بكرا وعلى وقليلون من المستضعفين الذين لم تمكنهم أحوالهم من الهجرة.

وقد كان بقاء أبي بكر وعلي بأمر رسول الله ﷺ ، ذلك أن ابا بكر أراد الهجرة فقال له الرسول ﷺ : على رسلك فإني أرجو أن يؤذن لي. فقال أبو بكر : وهل ترجو ذلك يا رسول الله بأبي أنت؟[١] قال: نعم فحبس أبو بكر نفسه انتظارا لرسول الله ﷺ ليكون في شرف صحبته وجهز راحلتين عنده استعدادا لذلك اليوم الموعود.

[١] فداك أبي فالرسول أب لكل المسلمين وأزواجه أمهاتهم.

Tidak ada keraguan bahawa penghijrahan umat Islam dari Mekah ke Madinah adalah sumber kebahagiaan jiwa yang besar kepada mereka, kerana mereka merasa lega kerana hilang kesusahan dan merasakan kebebasan yang [‘belum pernah dialami oleh mereka, seterusnya mereka mula menyebarkan agama Allah dalam suasana bebas tanpa tekanan, keletihan, kezaliman dan permusuhan.

Ia juga merupakan pukulan maut kepada orang kafir di Mekah, kerana mereka kecewa dan umat Islam melarikan diri dari cengkaman mereka seterusnya mereka menjangkakan bahaya pasti datang kepada mereka.

ولا شك أن هجرة المسلمين من مكة إلى المدينة كانت مبعث سعادة نفسية كبرى لهم، لأنهم تنفسوا الصعداء وشعروا بالحرية التي لم يكونوا يألفونها، وأخذوا ينشرون دين الله في جو طليق بعيدا عن الضغط والإرهاق والظلم والعدوان.

كما كانت ضربة قاضية على المشركين في مكة إذ خاب أملهم وأفلت المسلمون من قبضتهم وأصبحوا يتوقعون خطرا لا ريب فيه.

## (2) PENGHIJRAHAN NABI SAW

**Komplot (perancangan) Quraisy terhadap Rasulullah saw di Dar al-Nadwah:**

Rumah Qusay bin Kilab adalah tempat perjumpaan orang Quraisy untuk berbincang tentang sesuatu perkara atau permasalahan yang mereka hadapi. Perihal Nabi Muhammad bin Abdullah telah menjadi masalah mereka yang paling besar.

Pembesar Quraisy bertemu di Dar al-Nadwah untuk berbincang tentang apakah yang perlu mereka lakukan terhadap Muhammad bin Abdullah setelah tindak tanduk beliau menjadi bertambah bahaya. Abu Jahal "Amr ibn Hisham" memberi pandangan: "Saya berpendapat bahawa kita memilih dari setiap kabilah seorang pemuda yang gagah di kalangan kita, dan mereka ini akan menyerang Muhammad secara serentak dan membunuhnya, maka ini akan merehatkan kita dari memikirkan masalah Muhammad. Bani Hashim kamu tidak mampu untuk membalas dendam atas kematian Muhammad dan seterusnya mereka akan bersetuju dan menerima penghakiman dengan pembayaran diyat, maka kita akan membayar diyat tersebut".

Para pembesar Quraisy bersetuju dengan pandangan tersebut dan bersedia mempercepatkan pelaksanaannya.

**Sebab-sebab berlakunya Hijrah :**

1. Penganiyaan orang kafir terlalu kuat: di mana penganiyaan orang Quraisy terhadap Rasulullah saw dan umat Islam bertambah. ianya telah sampai ke kemuncaknya selepas kematian Siti Khadijah r.ha dan kematian Abu Talib, bapa saudara Nabi saw.
2. Dua Bai'ah Aqabah: Dalam kedua-dua bai'ah ini jelas kelihatan bagi Rasulullah saw bahawa golongan Aus dan Khazraj itu setia kepada baginda dan Islam, dan mereka akan membelanya dan menolongnya.
3. Konspirasi (perancangan) terbesar: komplot ini telah dibersetujui oleh orang-orang kafir untuk membunuh Rasulullah saw dan menghapuskannya; untuk mengembalikan semula kekuasaan tuhan-tuhan yang mereka dakwakan dan kepercayaan mereka yang rosak.

## (٢) الهجرة النبوية

**تآمر قريش على الرسول في دار الندوة:**

كانت دار قصي بن كلاب هي مقر ندوة قريش يجتمعون فيها للنظر فيما يعنيهم من الأمور وما يصادفهم من المشكلات. وأمر النبي مُحَمَّد بن عبد الله أصبح مشكلتهم الكبرى.

اجتمع قريش بدار الندوة ليتشاوروا فيما يصنعون بمحمد بن عبد الله بعد أن عظم أمره واشتد خطره. فقال أبو جهل "عمرو بن هشام": "أرى أن نأخذ من كل قبيلة فتى شابا فينا ، فيضربوه ضربة رجل واحد فيقتلوه فنستريح منه. فلا تقدر بنوا هاشم على أخذ ثأره ويرضون بالدية فنعطيها لهم". فوافقوا عليه وتهيأوا للإسراع في تنفيذه.

**أسباب الهجرة:**

١– شدة إيذاء المشركين: حيث زاد إيذاءُ قريش للرسول ﷺ وللمسلمين، وقد بلغ هذا الأذى نهايتها بعد وفاة السيدة خديجة ﵂، ووفاة أبي طالب عم الرسول ﷺ

٢– بيعتا العقبة : وفي هاتين البيعتين ظهر للرسول ﷺ أن الأوس والخزرج مخلصون له وللإسلام، وأنهم سيدافعون عنه وينصرونه.

٣– المؤامرة الكبرى : وهي المؤامرة التي اتفق المشركون فيها على قتل رسول الله ﷺ والتخلص منه؛ ليراجع السلطان لآلهتهم المزعومة وعقائدهم الفاسدة.

**Peristiwa Hijrah:**

Nabi saw datang ke rumah Abu Bakar r.a pada waktu yang terlalu panas di antara waktu Zohor dan Asar. Apabila Abu Bakar r.a melihat baginda, beliau berkata: Rasulullah saw tidak datang pada waktu ini, kecuali kerana suatu perkara yang besar, apabila baginda masuk, Abu Bakar berdiri dan mempersilakannya duduk. Nabi saw berkata: " Allah telah memberi keizinan kepadaku untuk berhijrah ". Abu Bakar berkata: Saya menjadi temanmu, wahai Rasulullah. Baginda berkata: Ya, temanku. lalu Abu Bakar menangis kerana terlalu gembira.

**أحداث الهجرة:**

أتى النبي ﷺ إلى بيت أبي بكر ﷺ في وقت شديد الحر بين الظهر والعصر، فلما رآه أبو بكر قال: ما جاء رسول الله ﷺ في هذه الساعة إلا لأمر عظيم، فلما دخل قام له أبو بكر وأجلسه مكانه، قال النبي ﷺ : "إن الله أذن لي في الهجرة"، فقال أبو بكر ﷺ: الصحبة يا رسول الله. قال: الصحبة، فبكى أبو بكر ﷺ من شدة الفرح.

**Masa berlakunya hijrah:**

Rasulullah saw keluar dari Mekah pada sepuluh terakhir bulan Safar tahun ke 13 setelah dibangkit menjadi nabi.

**زمن الهجرة:**

خرج رسول الله ﷺ من مكة في العشر الأوخر من شهر صفر، في السنة الثالثة عشرة من البعثة النبوية.

**Peranan Ali bin Abu Talib r.a ketika hijrah:**

Rasulullah menyuruh Ali r.a supaya tidur di tempat baginda dan menutupinya dengan kain selendang baginda yang mulia. Orang-orang musyrik ketika melihat di celah lubang pintu dan mereka dapati Ali tidur di tempat pembaringan. lalu mereka  menyangka Rasulullah ada di situ dan mereka rasa lega. Kemudian Rasulullah saw keluar di hadapan mereka sedangkan mereka tidak menyedarinya.

**دور علي بن أبي طالب ﷺ في الهجرة:**

أمر رسول الله ﷺ عليا ﷺ في أن يبيت في مكانه، وغطاه ببردته الشريفة، فكان المشركون إذا نظروا من ثقب في الباب وجدوا عليا ﷺ نائما فيظنون أنه رسول الله ﷺ فيطمئنون. وخرج رسول الله ﷺ من بين أيديهم وهم لا يشعرون.

Nabi saw berada di gua Thor

Rasulullah saw tiba di gua Thor bersama sahabatnya Abu Bakar as Siddiq r.a, dan tinggal di gua itu selama tiga malam.

**النبي ﷺ في غار ثور**

وصل رسول الله ﷺ إلى غار ثور ومعه صاحبه الصديق أبو بكر ﷺ، ومكث في الغار ثلاث ليال.

Abdullah bin Abui Bakar pergi ke gua setelah menjelang malam dan menceritakan kepada Rasulullah saw apa yang didengarnya daripada perancangan orang-orang kafir di Mekah, kemudian Amer bin Fuhairah hamba yang dibebaskan oleh Abu Bakar datang bersama biri-birinya, maka Nabi saw dan Abu Bakar dapat minum susu dan dagingnya kadar yang diperlukan. Kemudian Abdullah bin Abu Bakar pulang dan diikuti Amer bersama sekawan biri-biri di belakangnya, untuk menutup jejak kaki-kakinya.

**Orang-orang musyrik Mengejar Rasulullah saw:**

Apabila kaum Quraisy mengetahui pemergian Nabi saw dan sahabatnya Abu Bakar, rasa panik dan sangat terkejut lalu mereka mengejar baginda sehingga sampai berhampiran dengan gua Thor, apabila Nabi dan sahabatnya mendengar suara tapak kaki orang-orang kafir di hadapan gua, Abu Bakar berkata:
“Ya Rasulullah, jika seseorang daripada mereka melihat di bawah kakinya nescaya akan nampak kita”. Tetapi Rasulullah saw menenangkannya sambil berkata kepadanya: "Wahai Abu Bakar, kamu sangka kita dua sahaja, ingat yang yang ketiga itu adalah Allah swt. Wahai Abu Bakar, jangan sedih sesungguhnya Allah bersama kita".

**Dalam perjalanan ke Madinah:**

Rasulullah saw dan sahabatnya keluar dari gua Thor selepas tiga hari, dan orang yang menjadi penunjuk arah ialah Abdullah bin Uraiqat sedang menanti mereka, lalu dia membawa mereka berdua melalui jalan itu tidak menjadi laluan biasa sehingga tidak dapat dijejaki oleh orang-orang kafir, sehinggalah sampai ke kawasan Quba. Mereka tinggal di sana selama 4 hari dan Nabi saw membina masjid Quba.

وكان عبد الله بن أبي بكر ينطلق إلى الغار إذا دخل الليل فيقص على رسول الله ﷺ مما سمعه من تدبير المشركين في مكة، ثم يأتي عامر بن فُهَيرة مولى أبي بكر بأغنامه، فينال النبي ﷺ وأبو بكر من ألبانها ولحومها ما يشاءان، ثم يعود عبد الله بن أبي بكر ويعود عامر بالقطيع وراءه، ليُغَطِّي على أثر قدمَيه.

**مطاردة المشركين للرسول ﷺ :**

لما علمت قريش بخروج النبي ﷺ وصاحبه أبي بكر فزعوا أشد الفزع فطاردوه، حتى وصلوا إلى مقربة من غار ثور، فلما سمع النبي وصاحبه صوت أقدام المشركين أمام الغار، قال أبو بكر: يا رسول الله لو نظر أحدهم تحت قدميه لرآنا، ولكن الرسول ﷺ طمأنه قائلا له : "يا أبا بكر ما ظنك باثنين الله ثالثهما، يا أبا بكر لا تحزن إن الله معنا".

**في الطريق إلى المدينة:**

خرج رسول الله ﷺ وصاحبه من الغار بعد ثلاثة أيام، وكان الدليل عبد الله بن أُريقط ينتظرهم، فسار بهما من طريق غير معروف؛ حتى يضلل الكفار، إلى أن وصل إلى منطقة قباء؛ فأقاموا فيها أربعة أيام وأسس فيها النبي ﷺ مسجد قباء.

Kemudian Rasulullah saw meninggalkan Quba dan menuju ke Madinah di mana kaum Aus dan Khazraj sambil membawa pedang, hati mereka dipenuhi berita gembira dan keseronokan, kemudian baginda berjalan di Madinah dalam perarakan cahaya, dan setiap kali baginda melalui rumah-rumah orang Ansar, mereka mengajak baginda agar singgah dan tinggal bersama mereka sambil memegang tali unta. Lalu Rasulullah saw berkata:: "Biarkan unta ini berjalan kerana ia menurut apa yang diperintahkannya", sehinggalah unta itu berhenti di hadapan rumah Abu Ayyub al Ansori. Rasulullah saw berkata: “Di sinilah tempat berhenti, insyaAllah [Dan berdoalah dengan berkata: ` Wahai Tuhanku, turunkanlah daku di tempat turun yang berkat, dan Engkau adalah sebaik-baik Pemberi tempat ] Surah al Mukminun : 29

Nabi memilih tingkat bawah rumah Abu Ayyub untuk memudahkan pengunjung yang menziarahinya.

Soalan

S 1: Huraikan sebab-sebab hijrah Nabi saw.

S 2: Lengkapkan perkara berikut:

(a) Rasulullah saw tinggal di gua ........... selama tiga malam.

(b) Rasulullah saw memerintahkan .......................... untuk tidur di tempatnya dan berselimut dengan selendangnya yang mulia.

(c) Hijrah Nabi saw berlaku pada bulan ................ tahun ............

ثم غادر رسول الله ﷺ قباء واتجه إلى المدينة حيث كان الأوس والخزرج، قد تقلدوا سيوفهم، وامتلأت نفوسهم بالبشر والسرور؛ ثم سار ﷺ في المدينة في موكب من النور، وكلما مر ﷺ على دار من دُور الأنصار دعاه أهلها للنزول عندهم وأخذوا بزمام ناقته، فيقول لهم الرسول ﷺ : "دعوها فإنها مأمورة" حتى بركت الناقة أمام دار أبي أيوب الأنصاري، فقال رسول الله ﷺ : "هاهنا المنزل إن شاء الله، ﴿وَقُل رَّبِّ أَنزِلۡنِي مُنزَلٗا مُّبَارَكٗا وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلۡمُنزِلِينَ ﴾[٣]

واختار النبي في الدور الأسفل من بيت أبي أيوب؛ ليكون أسهل لزائريه.

الأسئلة

س١ : اذكر أسباب الهجرة النبوية.

س٢: أكمل ما يلي :

(أ) مكث رسول الله ﷺ في غار .............. ثلاث ليال.

(ب) أمر الرسول ﷺ ........................... أن يبيت في مكانه ويتغطى ببردته الشريفة.

(ج) كانت الهجرة النبوية في شهر .......... من سنة .............

[٣] سورة المؤمنون. الآية: ٢٩

**(3) Penubuhan masjid di Madinah:**

Rasulullah saw sejak tiba di Madinah telah mula membina masjid baginda di tempat untanya berhenti. Tempat itu adalah milik dua anak yatim, lalu baginda membelinya dan memerintahkan agar dibina sebuah masjid di situ.

**Hikmah pembinaan masjid adalah tindakan pertama Rasulullah saw di Madinah:**

- Masjid adalah tempat yang menjadi hubungan antara hamba dan Tuhannya.
- Ia adalah mahkamah untuk melaksanakan perintah Tuhan
- Ia adalah tempat untuk menerima duta-duta dari suku-suku kaum dan delegasi Arab dan tempat perbincangan perkara-perkara penting.
- Ia adalah tempat untuk mengatur strategi dan persediaan tentera dengan persediaan rohani bagi menghadapi musuh.
- Ia adalah tempat dikeluarkan fatwa dan tempat untuk perdamaian/kebaikan.

**(4) Persaudaraan antara golongan Muhajirin dan Ansor[4]:**

Nabi saw berusaha menyusun barisan orang-orang Islam dan mengukuhkan perpaduan mereka, maka baginda menghubungkan mereka dengan ikatan yang kuat, yang mana ikatan persaudaraan yang menjadi contoh terbaik antara golongan Ansor dan Muhajirin, dan menjadikan mereka mempunyai hak dan kewajiban seperti hak saudara-saudara yang sama nasab .

Golongan Muhajirin banyak menghadapi kesempitan dan kesusahan dalam kehidupan mereka, tetapi mereka tidak mahu menjadi bebanan kepada saudara mereka golongan Ansor.

**(٣) تأسيس المسجد بالمدينة:**

بدأ رسول الله ﷺ منذ وصل إلى المدينة في بناء مسجده في المكان الذي بركت فيه ناقته، وكان هذا المكان مملوكا لغلامين يتيمين، فاشتراه ﷺ وأمر ببناء المسجد فيه.

**الحكمة في أن بناء المسجد أول عمل للرسول ﷺ في المدينة :**

- كان المسجد هو مكان الصلة بين العبد وربه.
- كان محكمة للقضاء بما أنزل الله
- كان لاستقبال سفراء القبائل ووفود العرب والتشاور في مهام الأمور.
- كان دارا لتنظيم وتعبئى الجنود تعبئة روحية استعدادا لملاقاة العدو
- كان دارا للفتيا ودارا للصلح.

**(٤) المؤاخاة بين المهاجرين والأنصار:**

عمل الرسول ﷺ على تنظيم صفوف المسلمين وتأكيد وحدتهم، فربط بينهم برباط متين، حيث عقد تلك الأخوة النادرة المثال بين الأنصار والمهاجرين، وجعل لها من الحقوق والواجبات ما لأخوة النسب.

كان المهاجرون يلقون كثيرا من الشدة والتعب في حياتهم ولكن يأبون أن يكونوا كلا وعالة على إخوانهم الأنصار.

[4] Muhajirin : Orang Islam yang berhijrah dari Mekah. Ansor : Orang Islam yang menetap di Madinah

**(5) Perjanjian antara Rasulullah saw dan orang-orang Yahudi:**

Orang Yahudi tinggal berjiran dengan orang Islam di Madinah. Mereka ialah orang Yahudi Bani Nadir dan Bani Quraizah. Antara tindakan politik Rasulullah saw dan pengurusan baginda yang baik ialah baginda bersepakat dengan orang-orang Yahudi untuk saling menjaga perpaduan dan kerjasama. Rasulullah saw telah menulis satu perjanjian yang jelas merangkumi hak dan kewajipan orang Islam dan hak-hak dan kewajipan orang-orang Yahudi. Asas Perjanjian ini adalah Kerjasama ketika damai, mempertahankan Madinah ketika perang. Kerjasama penuh ini adalah antara kedua belah pihak.

Perjanjian antara Rasulullah saw dan orang Yahudi menetapkan: kebebasan beragama, kebebasan memberi pendapat, kehormatan Madinah, larangan melakukan jenayah serta memerangi kezaliman/ketidakadilan dan dosa.

Akan tetapi orang Yahudi telah memungkiri dan mengkhianati janji dan mula menyatakan permusuhan terhadap umat Islam, maka Rasulullah saw dan umat Islam kejahatan dan kezaliman mereka.

**(6) Pengsyariatan Perang**

Rasulullah saw berdakwah ke jalan Allah dengan penuh hikmah (bijaksana) dan nasihat yang baik, tetapi kabilah (suku kaum) Arab menentang dakwah Islam dengan pelbagai cara.

Allah swt membenarkan umat Islam berperang untuk mempertahankan diri dan sebagai balasan terhadap kezaliman yang menimpa mereka. Firman Allah swt:
"Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan)".
Surah al-Hajj : 39

Sebab-sebab disyariatkan perang dalam Islam:
1. Untuk bertindak balas terhadap ketidakadilan dan pencerobohan yang dihadapi umat Islam.
2. Untuk menjamin perjalanan dakwah Islam dan menguatkan kedudukannya.

**(٥) المعاهدات بين الرسول ﷺ واليهود**

كان اليهود يقيمون بجوار المسلمين في المدينة، وهم يهود بني النضير وبني قريظة، فكان من سياسة الرسول ﷺ وحسن تدبيره أن يتفق مع هؤلاء اليهود على التضامن والتعاون، وقد كتب الرسول ﷺ معاهدةً بيَّن فيها حقوق المسلمين وواجباتهم، وحقوق اليهود وواجباتهم، وكان أساس هذه المعاهدة التعاون في السِّلْم، والدفاع عن المدينة وقت الحرب، والتعاون التام بين الفريقين.

المعاهدات بين الرسول ﷺ واليهود تقرر: حرية العقيدة وحرية الرأي وحرمة المدينة، وتحريم الجرائم وتحارب المظالم والإثم.

ولكن اليهود غدروا وخانوا وبدأوا بالعدوان على المسلمين، فرد الرسول ﷺ والمسلمون على إساءتهم وظلمهم.

**(٦) مشروعية القتال**

كان الرسول يدعو إلى سبيل ربه بالحكمة والموعظة الحسنة، وأخذت القبائل العربية تحارب الدعوة الإسلامية بكل الوسائل.

أذن الله للمسلمين بالدفاع عن أنفسهم؛ ردا لما لحقهم من ظلم؛ فقال تعالى : ﴿أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَٰتَلُونَ بِأَنَّهُمۡ ظُلِمُواْۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ نَصۡرِهِمۡ لَقَدِيرٌ﴾ سورة الحج : ٣٩.

**أسباب مشروعية القتال في الإسلام:**

١ – لرد الظلم والعدوان الذي أصاب المسلمين.

٢ – لتأمين الدعوة الإسلامية وتدعيم هيبتها.

## (7) Peperangan Nabi saw

### Peperangan Badar

Selepas penghijrahan orang Islam ke Yathrib, orang musyrikin merampas harta benda yang mereka tinggalkan di Mekah. Kemudian rombongan perdagangan orang kafir melalui jalan berhampiran Yathrib, maka Nabi saw mahu menghalang jalan yang dilalui rombongan perdagangan tersebut untuk mendapatkan kembali sebahagian daripada harta mereka (yang dirampas orang musyrikin Mekah).

Abu Sufyan mengetahui berita keluarnya Rasulullah saw, lalu menghantar utusan ke Mekah meminta bantuan orang Quraisy untuk menghalang rombongannya daripada serangan orang Islam. Orang Quraisy keluar untuk menghalang orang Islam daripada memintas rombongan tersebut. Bilangan tentera musyrikin adalah antara 900 atau 1000 orang, bersama 100 ekor kuda dan 700 ekor unta. Mereka berkemah di Udwah Qaswa kawasan lembah Badar, manakala bilangan tentera Islam adalah 300 orang.

**Pendirian tentera Islam selepas rombongan perdagangan Mekah berjaya meloloskan diri.**

Rasulullah saw mengetahui berita keluar tentera Quraisy, lalu baginda berbincang dengan sahabatnya untuk keluar berperang, setelah baginda melihat mereka begitu gembira, maka baginda memerintahkan mereka keluar untuk berperang dengan tentera Quraisy.

**Pendapat Hubab bin Mundzir tentang kedudukan penempatan tentera Islam**: "Kawasan ini tidak sesuai. Lalu baginda bersama tentera Islam bergerak sehingga sampai berhampiran kawasan air, maka kita berhenti di situ. kemudian kita ..... telaga dan membina takungan seterusnya memenuhkan air di dalamnya. Kemudian kita berperang dengan tentera Quraisy, kita dapat minum air dan mereka tidak dapat minum air".

Lalu Rasulullah saw berfikir sejenak dan menerima pendapat yang tepat ini dan diumumkan kepada tentera Islam bahawa baginda akan berhenti mengikut pendapat Hubab.

## (٧) غزوات النبي ﷺ

### غزوة البدر

بعد هجرة المسلمين إلى يثرب قام المشركون بنهب أموالهم التي تركوها في مكة، ثم كان للمشركين قافلة ستمر بطريق قريب من يثرب فأراد النبي ﷺ أن يتعرض طريق هذه القافلة ليسترد المسلمون جزءا من أموالهم.

وعلم أبو سفيان بخروج رسول الله ﷺ ، فأرسل إلى مكة مستنجدا بقريش؛ ليمنعوه من المسلمين؛ فخرجت قريش لمنع المسلمين من اعتراض القافلة، وكان عدد المشركين ما بين التسعمائة والألف، معهم مائة فرس وسبعمائة بعير ونزلوا بالعُدْوة القصوى من وادي بدر وكان عدد المسلمين ثلاث مئة.

### موقف المسلمين بعد نجاة العير

علم رسول الله ﷺ بخروج قريش، فاستشار أصحابه للخروج، فلما رأى منهم ما يَسُرُّه، أمرهم بالخروج للقاء قريش.

**رأي الحباب بن المنذر في مكان المسلمين** : إن هذا ليس بمنزل، فانهض بالناس حتى نأتي أدنى ماء من القوم فننزل ثم نغور ما وراءه من الآبار ثم نبنى عليه حوضا فنملؤه ماء ثم نقاتل القوم فنشرب ولا يشربون.

فكر الرسول ﷺ فاقتنع بهذا الرأي السديد وأعلن أمام المسلمين أنه نزل على رأى الحباب.

**Pendapat Saad bin Muaz tentang tentang kedudukan Rasulullah saw** :
“Wahai Nabi Allah, kami akan membina khemah untuk kamu duduk di situ, kami sedia kenderaan untuk kamu. Kemudian kami akan berperang dengan musuh. Sekiranya Allah memuliakan kami dengan kemenangan, itulah yang kami sukai. Jika tewas, maka kamu boleh menaiki tunggangannya dan kembali menyertai orang Islam di Madinah. Sesungguhnya sebahagian orang Islam tidak hadir bersama kita, wahai Nabi Allah. Ini bukanlah bererti cinta kami terhadapmu lebih hebat berbanding mereka. Jika mereka tahu kamu akan berperang, nescaya mereka tidak tercicir untuk turut serta bersamamu, memberi kata nasihat dan berperang bersamamu."

Nabi saw memuji Saad bin Muaz dan mendoakan kebaikan untuknya. Kemudian dibina khemah untuk Nabi saw supaya baginda selamat dari musuh jika tentera Islam tidak mendapat kemenangan dalam peperangan tersebut.

**Pertempuran bermula**

Peperangan Badar berlaku pada pagi Jumaat, 17 Ramadan tahun kedua hijrah, bersamaan bulan Mac tahun 624 Masihi. kedua-dua tentera itu berperang dan semakin sengit pertempuran itu berlaku, maka bertambah kuat Rasulullah ssaw berdoa dan bermunajat kepada Allah swt. Kemudian baginda berkata: Berita gembira, wahai Abu Bakar, ini Jibril memegang kepala kudanya bersama peralatan perang.

Apabila tentera Islam menang, berita kekalahan orang kafir itu telah sampai kepada orang Quraisy, maka orang musyrikin begitu sedih dan susah hati. mereka meratapi tentera mereka yang mati.

**رأي سعدبن معاذ في مكان الرسول** : يا نبي الله نبنى لك عريشا تكون فيه ونعد عندك ركائبك. ثم نلقى عدونا فإن عزنا الله وأظهرنا على عدونا كان ذلك ما أحببنا. وإن كانت الأخرى جلست على ركائبك فلحقت بمن وراءنا من قومنا. فقد تخلف عنك أقوام يا نبي الله ما نحن بأشد لك حبا منهم. ولو ظنوا أن تلقى حربا ما تخلفوا عنك، يمنعك الله بهم يناصحونك، ويجاهدون منك.

قد أثنى الرسول ﷺ على سعد ودعا له بخير. ثم بنى العريش للنبي ﷺ حتى يكون في مأمن من العدو إذا لم يكن النصر في جانب المسلمين.

**بدأ المعركة**

دارت المعركة بدر في صبيحة يوم الجمعة ١٧ من رمضان من السنة الثانية للهجرة، مارس سنة ٦٢٤م، والتَقى الجمعان، ومع اشتداد القتال زاد دعاء الرسول ﷺ وتضرعه إلى ربه ثم قال: أبشر يا أبا بكر هذا جبريل آخذ برأس فرسه عليه أداة الحرب.

فلما انتصر المسلمون، وصلت أنباء هزيمة المشركين إلى قريش، فعمَّ الحزنُ المشركين وساد الأسى، وكثُر بكاؤهم على قتلاهم.

**PENGUSIRAN BANI QAINUQA’**

Yahudi Bani Qainuqa’ tinggal berjiran dengan orang Islam di Madinah. Mereka mempunyai perjanjian dengan orang Islam, namun mereka melanggar perjanjian tersebut dan mula melakukan kejahatan dan permusuhan.

Seorang wanita dari kaum Ansor pergi ke pasar Bani Qainuqa’ membawa bersamanya perhiasan untuk memperbaikinya kepada seorang tukang emas dari kalangan yahudi tersebut. Wanita itu duduk di kedai tukang emas dan orang Yahudi mula meminta wanita itu membuka mukanya tetapi ia enggan. Kemudian seorang Yahudi datang dari belakangnya secara senyap-senyap lalu mengikat hujung kain wanita itu dengan sesuatu ke bahagian belakangnya, apabila wanita itu bangkit dari duduknya maka terdedah auratnya. Orang Yahudi ketawa dan wanita itu menjerit bercampur sedih, malu dan meminta tolong. Seorang lelaki menerkam kepada tukang emas yahudi itu lalu orang-orang Yahudi mengerumuni lelaki Islam itu dan membunuhnya.

Rasulullah saw memanggil pemimpin mereka dan memberi amaran kepada mereka tentang akibat buruk terhadap penindasan dan menlanggar perjanjian itu serta meminta mereka untuk berhenti daripada menyakiti orang Islam dan menjaga perjanjian kasih sayang dan keamanan. Tetapi mereka memandang rendah dengan amaran baginda kemudian mereka menunjukkan permusuhan dan berkubu di kubu-kubu mereka. Rasulullah saw berarak ke kubu mereka pada pertengah bulan Syawal tahun kedua hijrah. Panji tentera Islam dipegang oleh bapa saudara baginda Hamzah bin Abdul Muttalib dan mengepung mereka selama 15 malam berturut-turut. Setelh mereka merasakan diri mereka tidak mampu untuk menhadapi tentera Islam dan timbul ketakutan lalu mereka meminta kepada Rasulullah saw agar membenarkan mereka keluar dari Madinah bersama wanita, anak-anak, manakala harta mereka ditinggalkan kepada tentera Islam maka Rasulullah saw menerima permintaan mereka tersebut.

**جلاء بني قينقاع**

كان اليهود بني قينقاع في جوار المسلمين بالمدينة .وكان بينهم وبين المسلمين عهود فنبذوها وبدأوا بالشر والعدوان .

أن امرأة من نساء الأنصار قدمت إلى السوق من بني قينقاع ومعها حلية لكي تعرضها على صائغ منهم ,فجلست الى صائغ في ذلك السوق فجعل اليهود يريدونها على كشف وجهها وهى تأبى فجأ يهودى من خلفها في سر منها فأثبت طرف ثوبها بشوكة الى ظهرها فلما قامت انكشفت سوأتها فضحك اليهود ,وصاحت المرأة صيحة هي مزيج من الحزن والندم والخجل والأستغاثة ,فوثب رجل على الصائغ اليهودى واجتمعت اليهود على المسلم فقتلوه.

دعا رسول الله صلى رؤساءهم وحذرهم عاقبة البغى ونكث العهد وطلب اليهم ان يكفوا عن أذى المسلمين وأن يحفظوا عهد المودة والسلام. ولكنهم استخفوا بوعيده ثم تظاهروا بالعدواة واحصنوا في حصونهم.ثم سار اليهم الرسول في نصف شوال من السنة الثانية للهجرة يحمل لواءه عمه حمزة بن عبد المطلب فحاصرهم خمس عشرة ليلة متتالية .ولما رأوا من أنفسهم العجز من مقاومة المسلمين وأدركهم الرعب سألوا رسول الله صلى أن يخلي سبيلهم فخرجوا من المدينة ولهم النساء والذرية وللمسلمين الاموال فقبل ذلك عليه الصلاة والسلام.

**Peperangan Bani Quraizah**

**Soalan :**
*Bilakah berlakunya Peperangan Bani Quraizah? Apakah puncanya? Apakah perintah Allah swt kepada RasulNya? Apakah kata-kata Rasulullah SAW kepada para sahabatnya setelah kembali dari peperangan khandak?*

**Peperangan Bani Quraizah** berlaku pada tahun 5 Hijrah.

**Puncanya**: Pengkhianatan bani Quraizah terhadap perjanjian Rasulullah saw dan sokongan mereka terhadap pasukan tentera ahzab (musyrikin). Rasulullah saw dan umat Islam perlu membersihkan kota Madinah dari kaum Yahudi yang mengkhianati perjanjian mereka dan yang menghina umat Islam ketika saat paling getir. Oleh kerana itu Rasulullah saw bertekad untuk menyingkirkan mereka.

**Allah swt memerintahkan Rasulullah saw** : untuk menyerang Bani Quraizah pada hari yang sama ketika baginda kembali dari peperangan Khandak.

**Rasulullah saw berkata kepada para sahabatnya selepas pulang dari Peperangan Khandaq** : (Janganlah seorangpun dari kamu solat Asar kecuali di Bani Quraizah) Lalu mereka bergegas pergi ke sana dan diikuti oleh Nabi saw.

**غزوة بني قريظة**

**س) متى كانت غزوة بني قريظة ؟ وما سببها ؟ وبم أمر الله رسوله ؟ وماذا قال الرسول ﷺ لأصحابه بعد الرجوع من غزوة الخندق ؟**

**كانت غزوة بني قريظة** : في السنة الخامسة من الهجرة (٥ هـ).

**سببها** : خيانة بني قريظة لعهد الرسول ﷺ ووقوفهم مع الأحزاب ، فكان لابد للرسول ﷺ وللمسلمين أن يطهروا المدينة من هؤلاء اليهود الخائنين الذين لا عهد لهم ولا ميثاق والذين خذلوا المسلمين في أحرج وأعنف الأزمات ، ولذلك صمم الرسول ﷺ علي التخلص منهم .

**أمر الله رسوله ﷺ**: أن يغزو بني قريظة في نفس اليوم الذي رجع فيه من غزوة الخندق .

**قال الرسول ﷺ لأصحابه بعد الرجوع من غزوة الخندق** : ( لا يُصلينّ أحدكم العصر إلا في بني قريظة ) فساروا مُسرعين وتبعهم النبي ﷺ.

**Soalan :**

*Siapakah yang memegang panji tentera Islam? Berapa jumlah tentera Islam? Apakah pendirian Bani Quraizah tentang perkara tersebut? Berapa lama pengepungan Rasulullah saw terhadap mereka? Apa yang mereka minta daripada baginda? Adakah Rasulullah saw menerima permintaan mereka? Apa kata-kata Rasulullah saw kepada mereka?*

**Panji tentera Islam dipegang** oleh Ali bin Abi Thalib r.a.

**Bilangan tentera Islam** : 3000 orang.

**Pendirian Bani Quraizah tentang perkara tersebut**: Ketika **Bani Quraizah** melihat tentera Islam mengepung mereka lalu mereka bertahan di kubu-kubu mereka

**Tempoh pengepungan Rasulullah saw terhadap mereka**: Rasulullah saw mengepung mereka selama 25 malam sehingga mereka melihat mereka merasakan diri mereka terancam dan akan dihancurkan sekiranya mereka tidak berusaha untuk berdamai dengan tentera Islam.

**Apa yang mereka minta daripada Nabi SAW**: Supaya baginda melepaskan mereka pergi seperti tindakan yang dilakukan terhadap bani Nadir (sebelum ini), dengan dibenarkan mereka mengambil harta yang mereka boleh membawa dan meninggalkan senjata mereka.

**Tetapi Nabi saw tidak menerima permintaan mereka, tetapi berkata** : Mereka perlu menerima hukuman yang ditetapkan ke atas kamu, sama ada baik atau buruk. Ini bermaksud Nabi saw meminta mereka menyerah diri tanpa syarat.

**Soalan:**
*Siapakah saudara kandung mereka di kalangan Bani Quraizah? Apakah dialog antara mereka dan Rasulullah saw?*

**Saudara kandung mereka di kalangan Bani Quraizah :** adalah orang-orang al-Aus.

**س) لمن عُقد لواء المسلمين ؟ وما عدد جيشهم ؟ وما موقف بني قريظة من ذلك ؟ وما مدة حصار الرسول ﷺ لهم ؟ وماذا طلبوا منه ؟ وهل قبل الرسول ﷺ طلبهم ؟ وماذا قال لهم ؟**

**عقد لواء المسلمين** : لعلي بن أبي طالب رضي الله عنه .

**عدد جيش المسلمين** : ثلاثة آلاف رجل.

**موقف بني قريظة من ذلك** : لما رأي بنو قريظة أن المسلمين أحاطوا بهم تحصّنوا بحصونهم

**مدة حصار الرسول ﷺ لهم** : حاصرهم الرسول ﷺ خمساً وعشرين ليلة حتي رأوا أنفسهم مهددين بالفناء إن لم يحاولوا الصُلح مع المسلمين.

**الذي طلبوه من الرسول ﷺ**: أن يتركهم يرحلون كما رحل بنو النضير، علي أن يأخذوا ما يستطيعون حمله من الأموال ويتركوا السلاح.

**ولكن الرسول ﷺ لم يقبل طلبهم ، بل قال** : لابد من الرّضا بما يُحكم به عليكم ، خيراً كان أو شراً ، ومعني ذلك أن الرسول ﷺ طلب إليهم التسليم دون قيد أو شرط .

**س) من الذين أختهم الشفقة ببني قريظة ؟ وما الحوار الذي دار بينهم وبين الرسول ﷺ ؟**

**الذين أخذتهم الشفقة ببني قريظة** : هم رجال الأوس.

**Dialog yang berlaku antara mereka dan Nabi saw** : Mereka bertanya kepada Nabi saw agar melayan mereka seperti layanan terhadap bani Qainuqa'. Baginda berkata kepada mereka: (Tidakkah kamu suka salah seorang di kalangan kamu memutuskan hukumannya? Mereka menjawab: Ya) lalu Nabi saw memilih pemimpin mereka iaitu (Saad bin Muaz).

**Soalan:**
*Apakah kesan pada pemilihan Saad bin Muaz? Apakah hukuman yang dikenakan ke atas Yahudi Bani Quraizah? Apakah pendapat Rasulullah saw tentang keputusan tersebut? Bagaimanakah hukuman ini dilaksanakan?*

**Kesan pemilihan Saad bin Muaz ini** : Rasa suka dan gembira, kerana Rasulullah saw telah menjadikan beliau di kedudukan yang mulia ini. Baginda berkata: Sekarang janganlah kamu menghina Saad.

**Saad bin Muaz jatuhkan hukuman ke atas Yahudi Bani Quraizah** : dengan menjadikannya sebagai pengajaran kepada masa dan generasi akan datang. Beliau berkata: Saya membuat keputusan bahawa kamu bunuh semua lelaki dewasa dan kamu tawan wanita dan anak-anak.

**Rasulullah saw berkata**: Kamu telah menghukum mereka dengan hukum Allah, wahai Saad.

**Perlaksanaan hukuman**: Rasulullah saw memerintahkan agar digali parit untuk mereka berhampiran pasar Madinah, kemudian dibawa mereka dalam keadaan diikat, lalu dipancung leher mereka dan ditanam di dalam parit tersebut kemudian dibahagikan harta, wanita dan anak-anak mereka di kalangan orang Islam.

**Bilangan kaum lelaki yang pancung lehernya (dihukum bunuh)** : sekitar 600 hingga 700 orang.

**الحوار الذي دار بينهم وبين الرسول ﷺ**: سألوا الرسول ﷺ أن يُعاملهم كما عامل بني قينقاع ، فقال لهم: ( ألا يرضيكم أن يحكم فيهم رجل منكم ؟ فقالوا : نعم ) فاختار الرسول ﷺ سيّدهم ( سعد بن معاز).

**س) ما أثر الاختيار علي سعد بن معاز ؟ وبم حكم علي يهود بني قريظة ؟ وماذا قال الرسول ﷺ في حكمه ؟ وكيف نفذ هذا الحكم ؟**

**ج– أثر هذا الاختيار علي سعد بن معاز** : فَرح واستبشر، لآن رسول الله ﷺ قد جعل له هذه المنزلة الكريمة وقال : آن لسعد ألا تأخذه في الله لومة لائم.

**حكم سعد بن معاز علي يهود بني قريظة** : بما جعله عِبرَة أمام القرون والأجيال فقال : إني أحكم أن تقتُلوا الرجال وتَسبُوا النساء والذرية .

**قال الرسول ﷺ**: لقد حكمت فيهم بِحكم الله يا سعد.

**تنفيذ الحكم** : أمر الرسول ﷺ فحُفرت لهم خنادق بسُوق المدينة ، ثم جئ بهم مُكتفين بالحبال ، فضُربت أعناقهم ودُفنوا في تلك الخنادق ثم قسّمت أموالهم ونساؤهم وأبناؤهم علي المسلمين .

**عدد الرجال الذين تم ضرب أعناقهم** : ما بين ستمائة وسبعمائة رجل.

**Soalan :**

*Apakah pengajaran dari Peperangan Bani Quraizah?*

**Pengajaran dari Peperangan Bani Quraizah**: Yahudi bani Quraizah mendapat balasan setimpal di atas pengkhianatan dan melanggar janji dengan Rasulullah saw. Allah swt telah menghancurkan mereka dan mententeramkan orang Islam dari kejahatan mereka. Kezaliman dan melanggar perjanjian tidak bertahan lama. kezaliman akan hancur dan musnah.

**س) ما العبرة من غزوة بني قريظة ؟**

**ج– العبرة من غزوة بني قريظة** : لقي يهود بني قريظة جزاء خيانتهم وغدرهم بعهد الرسول ﷺ فقد أهلكهم الله وأراحَ المسلمين من شرّهم ، فالظلم والغرور لا يدوم والبغي مرتعةُ وخيم .

المناقشة:

س١– متي كانت غوزة بني قريظة ؟ وما سببها ؟

س٢– ما هو حكم الله في بني قريظة ؟ وكيف تم تنفيذ الحكم ؟

س٣– صحح الخطأ في العبارات الآتية:

ب) حاصر الرسول صلي الله عليه وسلم بني قريظة ست ليال ؟

ج) الذي حكم علي بني قريظة هو سلمان الفارسي ؟

**Perjanjian damai Hudaibiyah**

**Soalan:**
